

Pegawai UMSKAL jayakan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendaftar 2015

UB 3.1.2015 A5

LABUAN : Pegawai Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) turut tidak ketinggalan menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendaftar Sempena Tahun Baharu 2015 yang diadakan di Galeri UMS, Bangunan Canselori UMS Kota Kinabalu.

Pegawai UMSKAL itu diketuai oleh Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mendengar amanat daripada Pendaftar UMS,

Datuk Abdullah Mohd Said melalui persidangan video di Bilik Seminar Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Turut hadir ketua-ketua bahagian dan pegawai kanan UMSKAL.

Abdullah menegaskan kepentingan warga UMS untuk melaksanakan tugas dan amanah dipertanggungjawab kepada mereka demi manfaat pelanggan dan masyarakat secara keseluruhannya.

Beliau mahu pegawai dan kakitangan memiliki empat perkara utama iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap dan kesihatan untuk

menjayakan program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun baharu 2015.

“ Saya mahu semua warga UMS komited membantu pengurusan universiti menjayakan visi dan misi melaksanakan khidmat yang terbaik kepada orang ramai, “ katanya.

Abdullah tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua warga UMS yang telah melaksanakan tugas mereka dengan sempurna seperti mana yang dihasratkan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.



ZAMRI (enam dari kanan) bersama pegawai kanan UMSKAL selepas mendengar amanat Pendaftar UMS sempena Majlis Perhimpunan Bulan Jabatan Pendaftar 2015.